

Newspaper	Berita Harian
Date	2 December 2015



Najib bergambar bersama pemegang biasiswa Yayasan Peneraju selepas sesi Berkongsi Himpunan 30 Kisah Inspirasi Penerima Faedah Yayasan Peneraju yang turut dihadiri Mustapa di Parlimen.

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

# PM lancar buku 30 kisah inspirasi

» #iniceritasaya  
himpunan  
karya penerima  
Yayasan  
Peneraju

Oleh Nazura Ngah dan  
Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak semalam melancarkan buku bertajuk *iniceritasaya* yang menghimpunkan 30 kisah inspirasi penerima faedah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju).

Perdana Menteri turut meluangkan masa beramah mesra dan mendengar kisah enam pemegang biasiswa yayasan

mengikut program teras masing-masing, iaitu program peneraju tunas, peneraju skil dan peneraju profesional dalam sesi Berkongsi Himpunan 30 Kisah Inspirasi Penerima Faedah Yayasan Peneraju.

Berkongsi kisah hidup Enam individu yang berpeluang berkongsi kisah hidup dengan Perdana Menteri ialah dua pemegang biasiswa program peneraju tunas, Faiz Alian Mohd Zamre, 15, dari Kota Bharu, Kelantan dan Allister Tik Tony, 15, dari Baram, Sarawak.

Peneraju skil pula Nuraini Gastan, 20, dari Semporna, Sabah, manakala Nur Atikah Paimin, 29, (Kuala Lumpur), Siga Adu, 19, (Belaga, Sarawak) dan Muhammad Shafiq Ab Majid, 26, (Selangor) pemegang biasiswa program peneraju profesional.

Buku *#iniceritasaya* yang menghimpunkan 30 kisah ter-

pilih bagi gelombang pertama untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014 diterbitkan Yayasan Peneraju, agensi di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Sementara itu Faiz Alian, pelajar Tingkatan Tiga Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pasir Tumbuh, Kelantan ketika berkongsi kisah hidupnya berkata behau bersyukur kerana diberi peluang oleh Yayasan Peneraju menerima biasiswa di bawah peneraju tunas geliga.

Pelajar istimewa yang cacat tangan kiri sejak lahir itu menjadi sumber inspirasi tujuh adiknya kerana disifatkan sa-

ngat cekal menghadapi cabaran hidup dan tidak patah semangat membantu ibunya yang juga ibu tunggal.

Faiz Alian yang pernah dinobatkan sebagai pemidato terbaik ketika Kem Tunas Geliga, Disember 2013 meraih keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) terkini 3.79.

"Basiswa yang diterima saban tahun sikit sebanyak membantu meringankan beban ibu yang bekerja sebagai pembaritu restoran di Kota Bharu," katanya.

Terima bantuan rumah Keluarga Faiz Alian juga pernah diuji apabila rumah mereka musnah dalam kebakaran pada Julai lalu dan hasil ihsan pelbagai pihak, Faiz Alian sekeluarga menerima bantuan sebuah rumah.

Bagi Nur Atikah, pemegang ijazah dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik dari Universiti of Illinois Urbana-Champaign, Yayasan Peneraju memberinya peluang menjadi individu yang mempunyai pelbagai kemahiran apabila menyertai program peneraju profesional akauntan.

Beliau memohon untuk menyertai program itu selepas melihat iklan menerusi e-mel dan bejaya ditawarkan untuk menyertai program dengan penempatan di firma audit, BDO Malaysia sambil mengambil pensijilan kelayakan profesional Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) secara separuh masa.

Walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam bidang perakaunan, behau lulus semua ujian kelayakan ICAEW tanpa ulangan peperiksaan dan dijangka menghabiskan semua ujian pada Disember tahun depan.

"Program yang distruktur khas oleh Yayasan Peneraju dengan kejasama Sunway-TES ini memberi peluang kepada seorang pelajar kejuruteraan seperti saya beralih ke dunia perakaunan," katanya.